

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
KAWASAN : KEMAMAN
TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 13

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan rancangan untuk membangunkan laluan alternatif Bandar Chukai ke Bukit Kuang bagi mengatasi masalah kesesakan di Bandar Chukai berikutan peningkatan kepadatan penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina laluan alternatif bagi Laluan Persekutuan 3 (FT003) antara Bandar Chukai ke Bukit Kuang tiada dalam senarai keutamaan yang diterima daripada Negeri Terengganu untuk Rolling Plan 1 RMKe-12. Selain itu, berdasarkan data banci *Road Traffic Volume Malaysia (RTVM)* 2019, aliran trafik di Laluan FT003, Jalan Kuala Terengganu - Kemaman menunjukkan aliran trafik berada pada tahap *Level of Service (LOS)* A.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan meneliti semula projek ini sekiranya dimohon untuk Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan. Kelulusan projek adalah bergantung kepada Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.